

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3 JLD.4( 9 )

Tarikh : 06 Jun 2009

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah  
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah  
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH  
BIL. 1 TAHUN 2009**

---

**PINDAAN HAD NILAI DAN KUASA LEMBAGA PEROLEHAN PERSEKUTUAN SABAH  
(LPPS)**

---

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas dan Surat Arahan daripada Ketua Seutiasusaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia ruj : S/K.KEW/PK/PP/9999/000000/11/240 (21) bertarikh 28 Mei 2009 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan telah bersetuju meminda had nilai dan kuasa Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah (LPPS) seperti berikut :

- 2.1 Tender (Kerja/Bekalan/Perkhidmatan) sehingga **RM 30 Juta**;
- 2.2 Tender Terhad (Kerja/Bekalan/Perkhidmatan) sehingga **RM 5 Juta** dengan syarat hendaklah dipelawa dikalangan sekurang-kurangnya 10 buah syarikat. Pemilihan syarikat hendaklah diluluskan oleh Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah (LPPS); dan
- 2.3 Kenaikan harga kontrak **tidak melebihi 20%** daripada nilai kontrak asal bagi kontrak bekalan/ Perkhidmatan.

3. Sehubungan dengan itu, keputusan tender/ kenaikan harga kontrak yang melebihi had nilai dan kuasa LPPS seperti di para 2 di atas hendaklah diperakukan kepada Kementerian Kewangan untuk keputusan muktamad.

4. Had kuasa di atas berkuat kuasa mulai pada **28 Mei 2009**.

Sekian. Terima kasih.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “**

Saya yang menurut perintah,

t.t

**(YUSOF BIN HAJI SARANGIT)**

Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah